

PENILAI PROSES DAN KEBERKESANAN STRATEGI PERANGI DADAH HABIS-HABISAN (PDH) 2016

ABSTRAK

Kajian bertujuan untuk menilai keberkesanan program perangai dadah habis-habisan (PDH) 2016. Objektif kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan program perangai dadah habis-habisan melalui enam program utama yang ditentukan berasaskan kepada tujuh indikator penilaian berikut: pertama : Jumlah penagih baru yang dikesan di 14 kawasan tumpuan. Kedua : Jumlah sarang penagihan yang berjaya dibersihkan. Ketiga : Impak program perangai dadah habis-habisan secara kuantitatif dan kualitatif. Keempat : Komitmen pemegang taruh terhadap semua program yang dijalankan dalam program. Kelima : Keterangkuman komuniti terhadap aktiviti program perangai dadah habis-habisan. Ketujuh : Kesediaan masyarakat terhadap program perangai dadah habis-habisan. Kajian ini bersifat kuantitatif yang melibatkan nombor dan angka, namun begitu, data kualitatif juga telah dikumpul melalui temubual separa berstruktur (semi-structured interview) dan dianalisis untuk menyokong dan meperkuhkan dapatan kuantitatif. Kaedah pengumpulan data untuk kajian ini adalah berbentuk teknik pensampelan berstrata atau *stratified sampling technique*. Dalam kajian ini, strata adalah mengikut *hot-spot* di setiap negeri. Sebanyak lebih kurang 150 orang sample meliputi 6 segmen komuniti iaitu guru sekolah, ketua kampung atau penghulu, pengerusi atau persatuan penduduk/ taman perumahan/kejiranan, anggota/ pegawai penguatkuasa undang-undang, imam/ketua agama, dan pegawai/ profesional perubatan dipilih daripada setiap strata. Maka jumlah sampel yang terlibat adalah sekitar 2100 orang. Data-data kuantitatif diperolehi daripada pelaporan aktiviti mengikut KPI yang ditetapkan untuk dianalisis supaya objektif 1,2,4 dan 6 tercapai. Sementara untuk mencapai objektif ke 3 yang mengukur impak program PDH, satu set soalselidik telah dibangunkan bagi tujuan pengumpulan data. Secara keseluruhan pencapaian KPI nasional ialah sebanyak 109.8 peratus, iaitu pelaksanaan sebanyak 4,182 aktiviti berbanding KPI yang ditetapkan sebanyak 3,808 kali. Semua program PDH yang dilaksanakan telah mencapai KPI yang telah ditetapkan. Program paling tinggi pencapaian KPI ialah program Ops Sarang/Bersepadu iaitu sebanyak (117.0 %) dan paling rendah ialah program Community Empowerment, iaitu sebanyak 100 peratus. Secara keseluruhan, dapatan-dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kempen perangai dadah habis-habisan amat berjaya dan berkesan dalam mengurangkan masalah

penagihan dadah. Kejayaan dan keberkesanan kempen ini adalah berdasarkan kepada dapatan berikut. Penurunan kadar penagih baru yang dikesan di kawasan tumpuan Kempen PDH. Dapatan kajian menunjukkan dalam tempoh lapan bulan Kempen PDH dilaksanakan, seramai 2,459 orang penagih telah ditahan dan dikesan positif dadah. Daripada jumlah ini, hanya seramai 518 orang sahaja atau (21.1%) adalah penagih baru. Jika digeneralisasikan kepada kadar penagih baru kebangsaan, dapatan kajian ini adalah jauh lebih rendah atau pengurangan sebanyak 55.0%. Sebelum kempen ini dilancarkan, kadar penagih baru yang direkodkan pada tahun 2015 ialah 76.1%. Pembersihan sebanyak 71.4% daripada jumlah sarang penagihan yang didaftar dan diprofilkan di kawasan-kawasan tumpuan dalam tempoh lapan bulan. Tiada rekod menunjukkan sarang-sarang ini telah diaktifkan semula selepas dibersihkan. Impak program secara keseluruhan adalah sebanyak 80.4% ke atas komuniti berdasarkan ukuran terhadap pembolehubah kebolehcapaian (*accessible*), boleh dilihat (*visible*), kesediaan (*readiness*), kesedaran (*awareness*), pengetahuan (*knowledge*) dan kemahiran (*skills*) dalam kalangan pemimpin dan ahli komuniti. Program pengesanan dan penahanan (operasi cegah, sarang dan bersepadu) paling tinggi memberi impak ke komuniti, diikuti oleh program omnipresence, media dan ikon antidadah. Komitmen yang ditunjukkan oleh pemegang taruh (*stakeholder*) kepada Kempen PDH adalah amat tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemegang taruh memberi komitmen sehingga 71.4% dari segi kewangan, 57.1% dari segi logistik dan tenaga kerja, 21.4% dari segi pembentukan polisi dan 14.3% dari segi pembangunan insan dan fizikal kepada kawasan-kawasan tumpuan yang berada di bawah tanggungjawab mereka. Keterangkuman komuniti berlaku di 85.7% kawasan tumpuan PDH, melibatkan peranan semua pihak iaitu badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, individu persendirian dan pemimpin komuniti. Keputusan yang diperolehi juga menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin komuniti memainkan peranan paling penting dengan kadar penglibatan sebanyak 78.6%, diikuti NGO (57.1%), sektor swasta (35.7%) dan individu persendirian (35.7%). Peningkatan tahap kesediaan komuniti untuk berubah atau mengambil tindakan terhadap masalah penagihan yang berlaku dalam komuniti mereka. Secara umum, berlaku peningkatan tahap kesediaan di semua kawasan selepas ujian pos dilakukan, iaitu sekurang-kurangnya satu mata. Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa 92.9% kawasan tumpuan mempunyai komuniti yang sekurang-kurangnya telah mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah dadah dalam komuniti mereka, 71.4% kawasan mempunyai komuniti yang stabil dari segi penglibatan komuniti dalam kempen memerangi dadah,

28.6% kawasan tumpuan mempunyai komuniti yang telah mahir/profesional dan berusaha mengembangkan program-program memerangi dadah, dan satu kawasan telah mencapai tahap maksimum iaitu komuniti mereka telah menjadikan kempen dan program memerangi dadah sebagai hakmilik mereka (*ownership*). Selain daripada itu, beberapa cadangan turut dinyatakan dalam kajian ini bagi tujuan penambahbaikan.